

## **BANK ISLAM PERLUAS KERJASAMA DENGAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK YATIM MALAYSIA (PEYATIM)**

*Pacu pembangunan modal insan pelajar anak yatim serta kukuhkan  
program pembiayaan mikro iTEKAD*

**KUALA TERENGGANU, Isnin, [5 Ogos 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), melalui Program Biasiswa Sadaqa House, memperkukuhkan kerjasama strategik dengan Persatuan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM), yang merupakan badan induk Kolej Universiti Bestari (UCB) di Setiu, Terengganu.

Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan taraf pendidikan dan kebajikan anak yatim yang menuntut di kolej universiti berkenaan demi memastikan kesejahteraan masa depan mereka.

Sejak memeterai kerjasama dengan PEYATIM pada Mei 2022, seramai 23 pelajar anak yatim telah menerima manfaat biasiswa pendidikan bernilai lebih RM400,000 daripada Dana Anak Yatim Sadaqa House (SHOF).

Pada majlis yang sama, menerusi kerjasama antara Bank Islam dengan Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare), penerima biasiswa SHOF yang melanjutkan pelajaran dalam bidang kejururawatan di UCB, akan berpeluang untuk menjalani latihan praktikal dan bekerja di lima hospital milik KMI Healthcare di seluruh negara. Hospital-hospital swasta berkenaan terletak di Kuala Terengganu, Kuantan, Kelana Jaya, Tawau dan Taman Desa Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Selain proaktif dalam memastikan kebolehpasaran penerima biasiswa kami, Bank Islam turut memperuntukkan sejumlah RM130,000 untuk menaik taraf peralatan bantuan mengajar di Makmal Kejururawatan UCB. Usaha ini akan memastikan mereka mendapat pendidikan yang berkualiti dan meningkatkan daya saing mereka di pasaran kerja yang semakin kompetitif.

“Mengiktiraf kepentingan bidang kejururawatan sebagai salah satu melengkapkan sektor penjagaan kesihatan negara, Bank Islam berhasrat untuk terus menyediakan biasiswa kepada 20 orang pelajar bidang ini di UCB pada setiap tahun.”

Kerjasama antara Bank Islam dan UCB turut diperluaskan dengan pelantikan institusi pengajian tinggi tersebut sebagai Hab Usahawan iTEKAD yang pertama di Malaysia.

Bertujuan untuk memajukan perniagaan mikro yang dimiliki asnaf dan B40, hab berkenaan berperanan sebagai sebuah pusat pembangunan usahawan khusus bagi Terengganu dan Kelantan. Program keusahawanan holistik yang disediakan di hab berkenaan akan melibatkan pensyarah UCB sebagai tenaga pengajar dan jurulatih keusahawanan, sementara para pelajar berpeluang meningkatkan kemahiran mereka dengan memberikan sokongan tambahan kepada usahawan yang mendaftar.

“Bank Islam menyasarkan untuk mewujudkan lima Hab Usahawan iTEKAD di seluruh negara menjelang akhir tahun 2024 sebagai usaha kami untuk menjana impak sosial positif yang berterusan kepada masyarakat. Langkah ini memberikan akses mudah latihan dan sokongan program pembiayaan iTEKAD kepada usahawan tempatan tanpa perlu ke Kuala Lumpur,” jelas Dato' Mohd Muazzam.

Orang ramai yang ingin menyumbang kepada Dana Anak Yatim Sadaqa House Bank Islam boleh menyalurkan sumbangan mereka ke 14014010188888 atau layari laman web <https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/sadaqa-house-orphan-fund/> untuk maklumat lanjut.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.